

**TATACARA TINDAKAN  
PENGEMASKINIAN  
PERAKAUNAN ASET DAN  
LIABILITI  
SELEPAS DATA BAKI AWAL ASET  
TERSEDIA DI iGFMAS**

**Unit Perakaunan Aset dan Inventori Persekutuan  
Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah  
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi**



# AGENDA **PEMBENTANGAN**



**Tujuan**



**Peranan Pihak Yang Bertanggungjawab**



**Tatacara Pelaksanaan**



**Pemantauan**



**Penutup**



# **TATACARA TINDAKAN PENGEMASKINIAN PERAKAUNAN ASET DAN LIABILITI SELEPAS DATA BAKI AWAL ASET TERSEDIA DI iGFMAS**

## TUJUAN

Panduan kepada Pejabat Perakaunan (PP) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang tindakan yang perlu diambil setelah baki awal aset dan liabiliti tersedia di sistem iGFMAS

Mengemaskini kedudukan baki aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset, bagi melaporkan kedudukan sebenar baki aset dan liabiliti di Kementerian susulan daripada aktiviti berikut:

- i) Aktiviti pengurusan aset berkaitan data migrasi yang berlaku dari Januari 2019 sehingga kini yang belum diperakaunkan di iGFMAS ;
- ii) Transaksi perakaunan aset dan liabiliti berkaitan data migrasi yang telah diperakaunkan di iGFMAS dari Januari 2018 sehingga kini; dan
- iii) Transaksi Perakaunan aset dan liabiliti berkaitan data migrasi bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun 2019 yang perlu dilaraskan di iGFMAS



# PERANAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB

## BA Kementerian

- memastikan kedudukan terkini aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset tahun 2019 dilaporkan dengan adil dan saksama selaras dengan piawaian dan polisi perakaunan yang berkuatkuasa

## UPAI Kementerian & UPA JANM Negeri

- bertindak sebagai pihak yang memantau dan memberi tunjuk ajar kepada PTJ dalam menyempurnakan tindakan pengemaskinian selepas data migrasi aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset dalam tahun kewangan 2019

# TATACARA PELAKSANAAN



**Aset Alih**



**Aset Tak Alih**



**Inventori**




# AKTIVITI YANG TERLIBAT

**PELUPUSAN ASET**

**PINDAHAN ASET**

**KOS BAIK PULIH YANG DIPERMODALKAN**

**PELARASAN BAKI INVENTORI**



# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

## PELUPUSAN ASET

## SEBELUM MIGRASI

Melaksanakan aktiviti pelupusan bagi aset data migrasi dalam tahun 2019 yang terdiri daripada jenis transaksi pelupusan seperti berikut:

- (a) Pelupusan Aset Dengan Hasil
- (b) Pelupusan Aset Tukar Barang / Tukar Beli
- (c) Pelupusan Aset (lain-lain)

Transaksi aset yang telah dilupuskan dalam tempoh Januari hingga Jun 2019 telahpun diakaunkan secara *workaround* menggunakan kod Hasil Jualan Harta Benda Kerajaan

Modul	Transaksi	Kod Akaun	Dt(RM)	Kt (RM)
(a) Terimaan hasil dari jualan aset				
Modul AR	Dt Bank / Cash in Hand		120	
	kt JUALAN HARTA BENDA ASET KERAJAAN	H0273301		120

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

## PELUPUSAN ASET

## SELEPAS MIGRASI

- ✓ MENYEMAK untuk mengenalpasti ID Aset data migrasi yang telah terlibat dengan aktiviti pelupusan dalam tahun 2019.
- ✓ MERUJUK kepada laporan berkaitan di peringkat Kementerian seperti Laporan Pelupusan Aset Alih yang disediakan oleh Pegawai Aset pada setiap suku tahun dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)

Aset yang telah dibawa masuk sebagai baki awal dan telah dilupuskan dalam tempoh Januari hingga Jun 2019 perlu dikosongkan.

### (b) Selepas Data Baki awal dimigrasi - Pelupusan Aset

MODUL AA >> PERAKAUNAN ASET>> PELUPUSAN ASET >> PELUPUSAN ASET (LAIN-LAIN)

Jenis Pelupusan : Pelupusan Aset (lain-lain)

Modul AA	Dt Susut Nilai Terkumpul (A31XXXX)	A31XXXX	80	
	Dt KERUGIAN ATAS PELUPUSAN ASET	B0554XX	20	
	Kt ASET (A14XXXX)	A14XXXX		100

Nota : Pelupusan tahun 2019, TARIKH PELUPUSAN adalah tarikh SEBENAR pelupusan diluluskan.  
Pelupusan sebelum tahun 2019, TARIKH PELUPUSAN adalah pada **1.1.2019**



# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

**PELUPUSAN ASET**

MULAI JULAI 2019

Senario Data Baki Awal telah dimigrasi



Modul	Transaksi	Kod Akaun	Dt(RM)	Kt (RM)
MODUL AA >> PERAKAUNAN ASET>> PELUPUSAN ASET >> PELUPUSAN ASET DENGAN HASIL				
Modul AA	Dt Akaun Penyelesaian	L1312960	120	
	Dt SNT	A31XXXX	80	
	Kt Aset	A14XXXX		100
	Kt Untung Jualan Aset	H0284501		100
Modul AR	Dt Customer		120	
	Kt Akaun Penyelesaian (CBA)	L1312960		120
Modul AR	Dt Bank / Cash in Hand		120	
	Kt Customer			120

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

**PINDAHAN ASET**

SEBELUM MIGRASI



Melaksanakan aktiviti pindahan berkaitan aset data migrasi yang berlaku dalam tahun 2019 dan belum diperakunkan di iGFMAS di bawah butiran Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung yang terkini.

Aktiviti pindahan yang berlaku dalam tahun 2019 boleh terdiri daripada jenis transaksi seperti berikut:

- (a) Pindahan Aset Pegawai Pengawal Sama
- (b) Pindahan Aset Pegawai Pengawal Berbeza

Nota : TIDAK TERMASUK aktiviti pindahan aset susulan penstrukturan semula kementerian atau perubahan kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Tahun 2019 kerana ianya telah dilaksanakan oleh JANM Ibu Pejabat.

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

## PINDAHAN ASET

### SELEPAS MIGRASI

- ✓ MENYEMAK mengenalpasti ID Aset data migrasi yang telah terlibat dengan aktiviti pindahan dalam tahun 2019.
- ✓ MERUJUK kepada laporan berkaitan di peringkat Kementerian seperti Laporan Pindahan Aset Alih yang disediakan oleh Pegawai Aset pada setiap suku tahun dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)

Aset yang telah dibawa masuk sebagai baki awal dan telah dipindahkan tetapi belum dikemaskini di iGFMAS perlu diakaunkan di iGFMAS:

Modul AA >> Perakaunan Aset>> Pindahan Aset

Rujuk Manual Latihan AA

AA-24100C Pindahan Aset Pegawai Pengawal Sama

AA-24200C Pindahan Aset Pegawai Pengawal Berbeza

Nota : Pindahan aset tahun 2019, TARIKH PINDAHAN adalah tarikh SEBENAR pindahan dibuat.

Pindahan sebelum tahun 2019, TARIKH PINDAHAN adalah pada **1.1.2019**

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

**KOS BAIK PULIH ASET YANG  
DIPERMODALKAN**

## SEBELUM MIGRASI

Membaik pulih aset data migrasi (contoh **pengubahsuaian, pembaikan, penggantian atau naik taraf aset**). Proses baik pulih aset berlaku samada dalam tahun 2018 atau 2019 iaitu sebelum data baki awal dimuat naik ke iGFMAS



1. Kos baik pulih yang dikemaskini di dalam templat ATA atau AA
2. Kos baik pulih yang dipermodalkan diperakunkan sebagai aset tak ketara di iGFMAS

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

Aset Alih

Aset Tak Alih

**KOS BAIK PULIH ASET YANG  
DIPERMODALKAN**

## SELEPAS MIGRASI

- ✓ MENYEMAK untuk mengenalpasti ID Aset data migrasi bagi kos baik pulih yang dipermodalkan
- ✓ MEMINDAHKAN amaun kos dan susut nilai terkumpul bagi ID Aset kos baik pulih tersebut kepada ID Aset data migrasi di iGFMAS:

Modul AA >> Perakaunan Aset>> Pengelasan Aset

Rujuk Manual Latihan AA  
AA-24000D Pengelasan Aset

Nota :

- Tindakan pengelasan ini hanya boleh dilakukan di antara ID Aset yang mempunyai kumpulan dana dan kod akaun yang sama
- Tarikh pengelasan yang perlu dikunci masuk adalah tarikh pengelasan sebenar bagi transaksi kos baik pulih yang berlaku dalam tahun 2019. Bagi transaksi kos baik pulih yang berlaku sebelum tahun 2019, tarikh pengelasan adalah pada 01.01.2019

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

## Inventori

### Sebelum Migrasi

Perolehan item inventori oleh PTJ berstatus PTJ Inventori bagi tahun 2019 telah diperakaunkan secara *periodic method*

Perolehan item inventori akan dicaj di bawah kod akaun Kos Barang Untuk Digunakan (B06XXXXX) atau kod akaun Inventori Untuk Dijual (B07XXXXX) terlebih dahulu sebelum diselaraskan pada setiap sukuan tahun kepada kod akaun Inventori Untuk Digunakan (A06XXXXX) atau Inventori Untuk Dijual (A07XXXXX)

### Semasa Migrasi

Baki item inventori akan dimigrasi ke iGFMS

Kod akaun A06XXXXX atau A07XXXXX adalah diperakaunkan di peringkat Lejar Am dan tidak mempunyai lejar subsidiari

### Selepas Migrasi

Memastikan PTJ melaksanakan tindakan pelarasan baki inventori pada setiap sukuan tahun (Mac, Jun, September dan Disember)

Bagi pelarasan baki inventori untuk sukuan ke-empat (Disember) ianya perlu disertai dengan aktiviti verifikasi baki inventori (*stock count*) sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam Tatacara Verifikasi Baki Inventori yang telah diedarkan kepada semua Pejabat Perakaunan pada 9 Oktober 2018

# TINDAKAN YANG PERLU **DILAKSANAKAN**

## Hal-hal Lain

### Susut Nilai Aset Migrasi

- Aset Pertahanan
- Aset Jalan Raya
- Lain-lain Aset

### Penjejasan Nilai Aset

- Amaun Perkhidmatan Boleh Pulih/ Amaun Boleh Pulih Aset < Amaun Bawaan
- Kerugian Penjejasan = Amaun Bawaan Aset - Amaun Perkhidmatan Boleh Pulih/ Amaun Boleh Pulih

### Penurunan Nilai Inventori

- Nilai Realisasi Bersih Inventori (*Net Realisable Value*) < Nilai Kos Inventori
- Nilai Kos Inventori - Nilai Realisasi Bersih/ Kos Penggantian Semasa = Belanja B53XXXXX (Penurunan Nilai Inventori Untuk Dijual)

# Penutup

Semua Pejabat Perakaunan dan PTJ perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Tatacara Tindakan Pengemaskinian Perakaunan Aset dan Liabiliti Selepas Data Baki Awal Aset Tersedia di iGFMAS.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Unit Perakaunan Aset & Inventori Persekutuan  
Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah  
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Emel : [upaip.bpopa@anm.gov.my](mailto:upaip.bpopa@anm.gov.my)



Thank You!